

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN  
TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

**TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 [RABU]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status terkini pemilikan rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) di negeri Kedah:-

- (a) apakah punca kelewatan penyerahan unit rumah kepada pemilik; dan
- (b) jumlah rumah PPR di seluruh negara, khususnya di Kedah yang belum diserahkan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang menyelaras proses penyerahan unit rumah PPR di negeri Kedah yang mengalami kelewatan penyerahan. Kelewatan ini berpunca daripada pengambilalihan pengurusan PPR oleh KPKT daripada Kerajaan Negeri dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menyebabkan urusan berkaitan pengurusan perumahan terjejas.

Justeru, bagi memastikan halatuju pengurusan PPR termasuklah urusan pengisian rumah berjalan dengan lebih berkesan, KPKT telah mengambil langkah proaktif dengan melantik Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bagi mengurus dan menjual unit-unit PPR terpilih kepada pemohon yang layak. Perkara ini telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri pada 14 April 2021. Surat tawaran kepada pemohon yang berjaya akan dikeluarkan mulai hujung tahun 2021.

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga Jun 2021 jumlah keseluruhan unit rumah PPR di seluruh negara adalah sebanyak 93,895 unit. Daripada jumlah tersebut sebanyak 84,392 unit (89.88%) telah diserahkan kepada pemohon yang berjaya, manakala baki sebanyak 9,503 unit (10.12%) pula masih dalam peringkat pengisian.

Bagi negeri Kedah, sehingga bulan Jun 2021, jumlah keseluruhan unit rumah PPR adalah sebanyak 3,910 unit. Daripada jumlah ini, sebanyak 2,250 unit (57.54%) telah diserahkan kepada pemohon yang berjaya, manakala baki sebanyak 1,660 unit (42.46%) pula masih dalam peringkat pengisian.

**PENGISIAN PPR SELURUH NEGARA SEHINGGA JUN 2021**

KATEGORI PPR	BIL. PROJEK	BIL. UNIT	DIDUDUKI	KOSONG
			(UNIT)	
DISEWA	122	79,623	72,877	6,746
DIMILIKI	56	14,272	11,515	2,757
<b>JUMLAH</b>	<b>178</b>	<b>93,895 (100%)</b>	<b>84,392 (89.88%)</b>	<b>9,503 (10.12%)</b>

**PENGISIAN PPR NEGERI KEDAH SEHINGGA JUN 2021**

KATEGORI PPR	BI. PROJEK	BIL.UNIT	DIDUDUKI	KOSONG
			(UNIT)	
DISEWA	2	1,894	1,529	365
DIMILIKI	6	2,016	721	1,295
<b>JUMLAH</b>	<b>8</b>	<b>3,910 (100%)</b>	<b>2,250 (57.54%)</b>	<b>1,660 (42.46%)</b>

Sekian, terima kasih.